

# Mohamad terima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah

SEREMBAN 23 Nov. - Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan hari ini menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat) daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Penganugeraha itu sempena Konvokesyen USIM Ke-10 di Nilai dekat sini.

Anugerah disampaikan Canselor USIM, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud yang juga Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan.

Penganugerahan ijazah kehormat itu sebagai penghargaan USIM terhadap sumbangan, ketokohan serta komitmen Mohamad dalam membangunkan negeri ini termasuk pencapaian yang cemerlang dalam ekonomi.

Sementara itu, Mohamad ketika berucap selepas menerima penganugerahan tersebut melahirkan rasa terharu dan bersyukur dengan pemberian anugerah berkenaan.